

PERSEPSI PELAJAR TERHADAP AKTIVITI ORIGAMI BERKUMPULAN DALAM  
PEMBENTUKAN KEMAHIRAN KERJA BERPASUKAN

AIZAM BINTI JUSOH@MAMAT

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi  
sebahagian daripada syarat penganugerahan  
Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal  
(Reka Bentuk Instruksional Dan Teknologi)

Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JULAI 2014

**Yang mengenal erti agama.....**

*Segala puji bagi Allah tuhan sekalian alam yang menciptakan langit dan bumi. Tuhan yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Selawat dan salam ke atas Junjungan besar Nabi Muhamad S.A.W. Keredhaan Allah S.W.T kepada sahabat-sahabat nabi dan pengikut nabi sehingga hari kiamat.*

**Yang mengenal erti kehidupan dunia.....**

*Buat Allahyarham Ayahandaku, Allahyarhamah Bondaku, mak yam dan ibu mentuaku, keluarga tersayang dan serta seluruh kerabat yang jauh dan dekat. Jutaan terima kasih di atas dorongan dan galakkan yang diberikan. Semoga Allah S.W.T jua yang memberi rahmat dan keampunan di dunia dan akhirat.*

**Yang mengenal erti pengorbanan.....**

*Buat suamiku Ustaz Jamil B Yusof dan putera puteri....Semoga Allah mengampuni dosa-dosa kita untuk kehidupan akhirat yang kekal abadi. Terima kasih di atas pengorbanan dan doa kalian.Semoga Allah S.W.T memberi rahmah dan sakinah ke atas keluarga kita serta kesihatan yang baik, rezeki yang berkat supaya mudah kita beramal soleh untuk bekalan dunia dan akhirat.*

**Buat penyelia yang dihormati**

*"Mr. Tan King Hiyang"*

*Untuk segala tunjuk ajar, semangat dan dorongan yang diberikan*

**Terima kasih segalanya.....**

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

Segala puji hanya bagi Allah S.W.T Tuhan seru sekalian alam, pentadbir langit dan bumi. Tiada Tuhan selain Dia. Kejayaan seluruh manusia dan jin adalah dalam agama yang sempurna, sejauh mana kita dapat mentaati perintah Allah S.W.T dan menjauhi segala larangan-Nya serta mengikuti sunnah baginda Nabi Muhamad S.A.W.

Syukur Alhamdulillah, syukur lagi dan lagi kerana Allah S.W.T memberi kekuatan dan ilham kepada hamba-Nya bagi merealisasikan laporan ini dengan penuh rendah diri dan yang terbaik lagi hanya bagi Allah S.W.T.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang telah turut sama membantu di sepanjang tempoh untuk menyiapkan kajian dan laporan akhir projek sarjana. Sekalung penghargaan khas buat En. Tan King Hiyang di atas segala bimbingan, tunjuk ajar dan sokongan di sepanjang tempoh penyelidikan ini dijalankan.

Tidak lupa kepada semua warga KVMT dan UTHM yang terlibat dalam memberikan kerjasama untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Jutaan terima kasih di atas segala kerjasama yang diberikan.

Terima kasih juga kepada keluarga tercinta di atas segala pengorbanan dan kepada rakan-rakan seperjuangan dan semua yang terlibat menyumbang idea, teguran, pendapat secara langsung atau tidak langsung. Semoga Allah S.W.T memberkati dan membalas jasa baik anda sekalian.

## ABSTRAK

Kemahiran kerja berpasukan merupakan kemahiran insaniah yang perlu dikuasai dan diterap dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan pelajar. Justeru para pendidik perlu memilih strategi pengajaran dan pembelajaran yang menjurus kepada keberkesanan yang tinggi untuk mencapai hasrat murni dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Penggunaan strategi pengajaran dan pembelajaran berasaskan sumber seperti penggunaan origami sebagai alat pendidikan telah banyak dibuktikan keberkesananannya malah mampu membentuk kemahiran kerja berpasukan dalam kalangan pelajar. Kajian ini bertujuan untuk mendapatkan persepsi pelajar terhadap kemahiran kerja berpasukan melalui aktiviti origami berkumpulan. Secara khususnya kajian ini menilai seni lipatan origami dalam pembangunan kemahiran kerja berpasukan berdasarkan tahap penilaian reaksi dalam Model Kirkpatrick terhadap pelajar-pelajar Kolej Vokasional Melaka Tengah (KVMT). Metodologi kajian ini bersifat kuantitatif dengan reka bentuk eks pos facto yang menggunakan instrumen soal selidik secara tinjauan awal dan tinjauan akhir. Sampel kajian pula melibatkan 30 orang pelajar dari kursus Mekanikal Pemesinan Industri (MPI) di KVMT. Setelah data soal selidik dikumpul dan dianalisis dengan menggunakan SPSS versi 21, setiap keputusan dapatan ditunjukkan dalam bentuk min, peratus dan ujian-t. Keputusan hasil kajian ini mendapati persepsi pelajar terhadap kefahaman kemahiran kerja berpasukan setelah menjalani aktiviti origami berkumpulan berada pada tahap yang tinggi. Persepsi pelajar KVMT terhadap keberkesanan aktiviti origami berkumpulan berdasarkan tahap penilaian reaksi juga didapati berada pada tahap yang tinggi. Diharapkan aktiviti berkumpulan berlandaskan seni lipatan origami diterima baik ke arah membentuk kemahiran kerja berpasukan dan dapat membantu pihak tertentu terutamanya pihak Kolej Vokasional Melaka Tengah dalam penyelesaian masalah penerapan '*Employability Skills*'.

## ABSTRACT

One of the most important skills for student-centred learning is teamwork. Teamwork is a softskill which has to be mastered for effective learning. As educators choosing an effective strategy is of almost importance in the process of Teaching and Learning, as laid down in the National Education Philosophy. The use of origami in Teaching and Learning has proved to be an effective educational tool in developing teamwork skills among students. The aim of this research is to gather students' perception on the varies elements highlighted by the Kirkpatrick Evaluation Model about effectiveness of using origami in building teamwork skills within a structured workshop. 30 Industrial Mechanical Students were selected as sampel for the study. The quantitative study was based on ex post facto design using questionnaire in earlier stage and further analyzed with SPSS version 21. The findings were shown in the form of mean, t-test and percentages. The results of the study showed that there is a significant increase in the level of effectiveness of teamwork skills upon using origami. In relation to this, it was also found that the students perception and understanding to be at a high level. It is hoped that this proposed research will be well received, and that it would help KVMT in solving problems and issues relating to 'Employability Skills'. A manual has been prepared for future reference.

## KANDUNGAN

	<b>TAJUK</b>	<b>i</b>
	<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>vi</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
	<b>KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xii</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiii</b>
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xiv</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xv</b>
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	8
	1.4 Tujuan Kajian	9
	1.5 Objektif Kajian	9
	1.6 Persoalan Kajian	9
	1.7 Hipotesis Kajian	10
	1.8 Kerangka Konsep Kajian	10
	1.9 Kepentingan Kajian	12
	1.9.1 Pelajar	12
	1.9.2 Pensyarah	12
	1.9.3 KVMT	13
	1.10 Skop Kajian	13
	1.11 Batasan Kajian	14

1.12	Definisi Istilah Dan Pengoperasionalan	15
1.12.1	Persepsi Pelajar	15
1.12.2	Origami	16
1.12.3	Kemahiran Kerja Berpasukan	16
1.12.4	Model Kirkpatrik	17
1.13	Rumusan	18
<b>BAB 2</b>	<b>KAJIAN LITERATUR</b>	<b>19</b>
2.1	Pengenalan	19
2.2	Origami	20
2.2.1	Sejarah Rekaan Dan Binaan Origami	20
2.2.2	Simbol Lipatan Origami	21
2.2.3	Contoh-contoh Lipatan Haiwan Origami	22
2.2.4	Tips Dan Cadangan Dalam Aktiviti Seni Lipatan Origami	23
2.2.5	Fakta-fakta Menarik Tentang Origami	24
2.2.6	Origami Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran	26
2.2.7	Faedah Pendidikan Origami	27
2.3	Kerja Berpasukan	30
2.3.1	Definisi Kerja Berpasukan	30
2.3.2	Prinsip Asas Kerja Berpasukan	31
2.3.3	Faedah Kerja Berpasukan	31
2.3.4	Elemen-elemen Utama Dalam Kemahiran Kerja Berpasukan	32
2.3.5	Kemahiran Kerja Berpasukan	33
2.3.6	Ciri-Ciri Kemahiran Kerja Berpasukan	34
2.3.7	Pembangunan Kemahiran Kerja	



	Berpasukan	38
	2.3.8 Origami Dan Kerja Berpasukan	41
2.4	Model ‘ <i>Kirkpatrick Training Evaluation</i> ’	42
	2.4.1 Tahap 1: Penilaian Reaksi	42
	2.4.2 Tahap 2: Penilaian Pembelajaran	43
	2.4.3 Tahap 3: Penilaian Tingkahlaku	45
	2.4.4 Tahap 4: Penilaian Keberhasilan	48
2.5	Rumusan	51
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>50</b>
3.1	Pengenalan	50
3.2	Reka Bentuk Kajian	51
3.3	Pemboleh Ubah Kajian	52
3.4	Kerangka Kerja Operasi	52
3.5	Populasi Dan Sampel Kajian	55
3.6	Lokasi Kajian	56
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	56
	3.7.1 Jenis Data	57
	3.7.2 Prosedur Perlaksanaan Bengkel	58
3.8	Instrumen kajian	60
	3.8.1 Borang Soal Selidik	60
	3.8.2 Prosedur Pentadbiran Soal Selidik	63
3.9	Kajian Rintis	63
	3.9.1 Kebolehpercayaan Item	64
	3.9.2 Pengesahan Pakar	65
3.10	Prosedur Menganalisis Data	65
	3.10.1 Pentafsiran Skor Min	67
	3.10.2 Pentafsiran Ujian-t	67
3.11	Rumusan	68
<b>BAB 4</b>	<b>ANALISIS DATA</b>	<b>69</b>
4.1	Pengenalan	69
4.2	Dapatan Kajian	69



4.2.1	Persepsi Pelajar KVMT Terhadap Kefahaman Kemahiran Kerja Berpasukan Sebelum Menjalani Aktiviti Origami Berkumpulan	69
4.2.2	Persepsi Pelajar KVMT Terhadap Kefahaman Kemahiran Kerja Berpasukan Selepas Menjalani Aktiviti Origami Berkumpulan	72
4.2.3	Perbezaan Yang Signifikan Tentang Persepsi Pelajar KVMT Terhadap Kefahaman Kemahiran Kerja Berpasukan Sebelum Dan Selepas Menjalani Aktiviti Origami Berkumpulan	74
4.2.4	Persepsi Pelajar KVMT Terhadap Aktiviti Berpasukan Yang Berlandaskan Seni Lipatan Origami Dengan Penggunaan <i>Kirkpatrick Training Evaluation Model</i>	76
4.2.5	Cadangan Pemurnian Bengkel Seni Lipatan Origami Untuk Membantu Dalam Pembentukan Kemahiran Kerja Berpasukan	79
4.3	Rumusan Dapatan Kajian	80
<b>BAB 5</b>	<b>KESIMPULAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN</b>	<b>81</b>
5.1	Pengenalan	81
5.2	Perbincangan Kajian	81
5.2.1	Persepsi Pelajar KVMT Terhadap Kefahaman Kemahiran Kerja	

	Berpasukan Sebelum Menjalani Aktiviti Origami Berkumpulan	81
5.2.2	Persepsi Pelajar KVMT Terhadap Kefahaman Kemahiran Kerja Berpasukan Selepas Menjalani Aktiviti Origami Berkumpulan	82
5.2.3	Perbezaan Yang Signifikan Tentang Persepsi Pelajar KVMT Terhadap Kefahaman Kemahiran Kerja Berpasukan Sebelum Dan Selepas Menjalani Aktiviti Origami Berkumpulan	83
5.2.4	Persepsi Pelajar KVMT Terhadap Aktiviti Berpasukan Yang Berlandaskan Seni Lipatan Origami Dengan Penggunaan <i>Kirkpatrick Training Evaluation Model</i>	86
5.2.5	Cadangan Pemurnian Bengkel Seni Lipatan Origami Untuk Membantu Dalam Pembentukan Kemahiran Kerja Berpasukan	87
5.3	Kesimpulan Perbincangan	88
5.4	Cadangan	88
5.4.1	Cadangan Penambahbaikan	89
5.4.2	Cadangan Untuk Kajian Akan Datang	89
5.5	Penutup	90
	<b>RUJUKAN</b>	<b>91</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>97</b>

## SENARAI JADUAL

1.1	Tempoh Masa Remaja	6
2.1	Kunci Simbol Origami	22
2.2	Ciri-ciri KIM Bagi Kemahiran Kerja Berpasukan Yang Digariskan Di IPT	33
2.3	Ciri-ciri KIT Bagi Kemahiran Kerja Berpasukan Yang Digariskan Di IPT	33
3.1	Jadual Perancangan Aktiviti Bengkel Origami	59
3.2	Pembahagian Item Soal Selidik	61
3.3	Skala Ukuran Likert	62
3.4	Interpretasi Skor Bagi Nilai <i>Alpha Cronbach</i>	64
3.5	Kaedah Analisis Data	66
3.6	Taburan Skor Min	67
3.7	Pemilihan Ujian Statistik Berdasarkan Skala Pengukuran Yang Digunakan	67
4.1	Taburan Kekerapan, Peratus Dan Skor Min Untuk Setiap Item Bagi Tinjauan Awal	70
4.2	Taburan Kekerapan, Peratus Dan Skor Min Untuk Setiap Item Bagi Tinjauan Akhir	72
4.3	Keputusan <i>T-Test</i>	75
4.4	Taburan Persepsi Pelajar KVMT Terhadap Aktiviti Origami Berkumpulan Berlandaskan Tahap Penilaian Reaksi	76
4.5	Cadangan Penambahbaikan Bengkel Origami Berkumpulan	79
5.1	Penerapan Nilai Dalam Asas Kerja Berpasukan Semasa Aktiviti Origami	84

**SENARAI RAJAH**

1.1	Perbezaan Peratus Markah Pelajar Dalam Peperiksaan Amali Sikap	5
1.2	Kerangka Konsep Kajian Mengikut Cadangan Daripada <i>Models For HRD Practice</i>	11
1.3	<i>Kirkpatrick And Kirkpatrick's 2006 Four Level Model Of Evaluation</i>	18
2.1	Contoh Lipatan Origami Yang Berbentuk Haiwan	23
3.1	Pemboleh Ubah Kajian	52
3.2	Kerangka Operasi Kajian Diadaptasi Daripada Esa (2011)	54
3.3	Kerangka Pengumpulan Data	57



## SENARAI SINGKATAN

PDP / P&P	-	Pengajaran Dan Pembelajaran
3M	-	Menulis, Membaca, Mengira
PPPM	-	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PTV	-	Pendidikan Teknik Dan Vokasional
BPTV	-	Bahagian Pendidikan Teknik Dan Vokasional
TPV	-	Transformasi Pendidikan Vokasional
KV	-	Kolej Vokasional
DSK	-	Draf Standard Kompetensi
BPK	-	Bahagian Pembangunan Kurikulum
PMR	-	Peperiksaan Menengah Rendah
KVMT	-	Kolej Vokasional Melaka Tengah
IPTA	-	Institut Pengajian Tinggi Awam
KI	-	Kemahiran Insaniah
3D	-	Tiga Dimensi
IPT	-	Institusi Pengajian Tinggi
KIM	-	Kemahiran Insaniah Mesti
KIT	-	Kemahiran Insaniah Tambahan
OJB	-	<i>On-The-Job</i>
UniKL MFI	-	Universti Kuala Lumpur Malaysian France Institute
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia
PS	-	Projek Sarjana
UPM	-	Universiti Putra Malaysia

## SENARAI LAMPIRAN

<b>A</b>	Borang Soal Selidik Temubual & Kaedah Pengumpulan Dan Analisis Data	2
<b>B</b>	Skor Pemarkahan Pelajar	4
<b>C</b>	Kajian Oleh <i>National Association Of Colleges And Employers</i>	8
<b>D1</b>	Carta Gantt Projek Sarjana 1	53
<b>D2</b>	Carta Gantt Projek Sarjana 2	53
<b>E</b>	Surat Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian	58
<b>F</b>	Soalan Tugas	59
<b>G</b>	Borang Soal Selidik	60
<b>H1</b>	Data Kajian Rintis	65
<b>I</b>	Borang Semakan Soal Selidik	65
<b>H2</b>	Data Analisis Tinjauan Awal	70
<b>H3</b>	Data Analisis Tinjauan Akhir	72
<b>H4</b>	Data Analisis <i>T-Test</i>	74
<b>J</b>	Kaedah Analisis Soalan Terbuka	79
<b>K</b>	Buku Panduan Bengkel	

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Laporan awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 menggariskan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran (PDP) yang berlaku di dalam bilik darjah merupakan penentu utama kejayaan masa depan negara. Oleh yang demikian, sistem pendidikan negara mesti berupaya memperkasakan pengajaran dan pembelajaran iaitu meningkatkan keberkesanan PDP di dalam bilik darjah (Hashim, 2010) untuk melahirkan generasi yang seimbang dalam pengetahuan, kemahiran dan kompetensi.

Untuk mencapai proses pembangunan modal insan yang berinovatif dan berkemahiran tinggi dalam proses pendidikan, para pendidik perlu menekankan pendekatan berasaskan sumber dan berpusatkan murid. Malah guru-guru perlu memilih strategi PDP yang menjurus kepada keberkesanan yang tinggi untuk mencapai hasrat murni dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Menurut hasil kajian daripada Kamsah, Abu dan Razzaly (2008), mereka mendapati masalah yang dihadapi oleh responden telah dikenalpasti iaitu kekurangan pengetahuan dan kemahiran untuk menerap dan menilai KI dalam P&P, kekangan masa (akibat perlu menghabiskan silibus kursus yang dikendalikan) serta kekurangan bahan atau dokumen rujukan yang boleh membantu mereka melaksanakan aktiviti, pihak IPTA harus mempertingkatkan usaha bagi melatih kumpulan pakar yang boleh membimbing rakan sejawat atau merangka program latihan yang lebih berkesan.

Justeru penggunaan strategi PDP berasaskan sumber seperti penggunaan origami sebagai alat pendidikan telah banyak dibuktikan keberkesananannya. Contohnya pada Era Meiji di Jepun, metode Froebel telah mula diperkenalkan di Taman Asuhan Kanak-kanak yang menggunakan origami sebagai alat pendidikan. Hal ini sedikit sebanyak membawa kesan yang cukup signifikan bagi perkembangan

origami di Jepun. Selain itu, origami juga digunakan untuk kanak-kanak yang mengalami masalah belajar, terutamanya kanak-kanak yang menghadapi kesulitan dalam berkomunikasi. Bahkan origami ini turut direalisasikan dalam memperkenalkan bentuk-bentuk dasar dalam pelajaran geometri di beberapa buah sekolah tadika di Amerika (Imania, 2012). Hal ini disokong oleh Wise (2005) dalam *Tech Beat* yang menyatakan bahawa di Jepun, kanak-kanak belajar origami pada lutut ibu-ibu mereka. Manakala di Barat, kanak-kanak mempelajari origami di sekolah.

Bagi Kolej Vokasional Melaka Tengah yang menjadi tempat kajian kes oleh pengkaji telah melaksanakan Semester Pendek Tahun 1 baru-baru ini yang mengikut perancangan programnya bermula 21 Oktober 2013 sehingga 15 November 2013. Namun hasil tinjauan awal yang telah dijalankan oleh pengkaji secara rawak kepada lima orang pensyarah didapati keberkesanan kemahiran kerja berpasukan tidak memuaskan. Dalam tinjauan itu, pengkaji telah menggunakan borang soal selidik yang mempunyai lima kriteria tentang tahap kemahiran kerja berpasukan dan skalanya ialah 'Ya' atau 'Tidak'. Kemudian pengkaji memindahkan data tersebut ke dalam jadual taburan kekerapan mudah kerana nilai dan jumlah nombornya adalah sedikit. Dapatan kajian menunjukkan nilai peratus kekerapan bagi skala 'Ya' adalah rendah sebanyak 6 kekerapan iaitu 24 peratus berbanding nilai peratus kekerapan skala 'Tidak' yang berjumlah 19 kekerapan iaitu 76 peratus. Hal ini dapat dirumuskan bahawa tahap keberkesanan kemahiran kerja berpasukan dalam kalangan pelajar KVMT adalah lemah. Sebagai contoh sila rujuk **LAMPIRAN A** untuk melihat kaedah pengumpulan dan analisis data yang telah dijalankan.

Masalah penguasaan dan penerapan kemahiran kerja berpasukan terus menjadi isu perbualan dan kebimbangan para pensyarah KVMT khususnya pensyarah yang terlibat dalam kursus Teknologi Pembinaan. Sebagaimana yang diketahui dalam kurikulum KV, antara cirinya ialah nisbah komponen akademik-vokasional ialah 30:70 (Pelan Strategik Transformasi Pendidikan Vokasional, 2011). Untuk semua kursus yang diajar di KV, modul vokasional akan dibahagikan kepada dua iaitu modul amali dan modul teori.

Bagi modul amali untuk kursus Teknologi Pembinaan di KVMT, skema pemarkahan peperiksaan amali telah diagihkan kepada beberapa aspek utama seperti proses kerja 40 peratus, hasil kerja 50 peratus, sikap 5 peratus dan keselamatan 5 peratus. Untuk skema pemarkahan sikap pula, pecahan markahnya dibahagikan



kepada lima kriteria iaitu persediaan 10 markah, pengurusan alatan 10 markah, kekemasan 10 markah, kerjasama 10 markah dan ketepatan masa 10 markah.

Oleh itu, kajian ini dibuat bagi mencadangkan penggunaan seni lipatan origami untuk pembentukan kemahiran kerja berpasukan melalui Model Kirkpatrick dalam kalangan pelajar Kolej Vokasional Melaka Tengah.

## 1.2 Latar belakang masalah

Dalam Majlis Tindakan Ekonomi Malaysia pada April 2003 yang lalu, berdasarkan kepada laporan “*Employability of Malaysian Graduates*” menjelaskan tentang sebab-sebab mengapa graduan tempatan tidak berjaya mendapat peluang pekerjaan adalah kerana mereka kurang mahir dan tidak agresif atau dinamik malah kurang bersikap lantang dan berfikiran terbuka. Menurut Mohd Noor & Sahimin (2010), kebanyakan majikan masa kini memerlukan pekerja yang bukan sahaja memiliki kemahiran teknikal tetapi juga memiliki kemahiran generik agar mereka memiliki *multiple skills* dalam melakukan pelbagai tugas yang diberi untuk meningkatkan produktiviti syarikat dan berdaya saing. Ini disokong oleh Archer dan Davison dalam kajiannya pada 2008 mendapati bahawa tidak kira saiz syarikat, kemahiran interpersonal contohnya kemahiran komunikasi dan kerja berpasukan telah dititikberatkan berbanding kemahiran teknikal seperti kelayakan ijazah yang baik atau kemahiran IT.

Oleh itu dalam Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008 di Universiti Teknologi Malaysia memaklumkan bahawa sistem Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) adalah medium terbaik untuk mengisi kelompangan pelajar dalam kemahiran-kemahiran tambahan seperti kemahiran komunikasi, kemahiran mengurus dan kemahiran ICT. Ini kerana Pendidikan Teknik dan Vokasional (PTV) secara umumnya berfungsi untuk mendidik seterusnya melahirkan sumber tenaga kerja yang berkemahiran dan berpengetahuan asas untuk sektor industri (Mohamed Yusof, Esa & Ahmad, 2008). Ini bertepatan dengan Falsafah Pendidikan Vokasional diwujudkan, berdasarkan dalam buku Citra Kecemerlangan Bahagian Pendidikan Teknik Dan Vokasional Dan Sekolah Menengah Teknik iaitu:

Pendidikan vokasional adalah usaha berterusan dan sistematik yang bertujuan memberikan pengetahuan dan latihan berkaitan sesuatu bidang


pekerjaan supaya dengannya dapat melahirkan pekerja-pekerja mahir yang mampu meningkatkan kualiti hidupnya di samping menyumbangkan kepada penyediaan tenaga kerja yang produktif, berdisiplin dan terlatih mengikut keperluan semasa, terutamanya di sektor perdagangan dan perindustrian. (ms. 7)

Sumber: BPTV. (2010). *Citra Kecemerlangan Bahagian Pendidikan Teknik Dan Vokasional Dan Sekolah Menengah Teknik*. BPTV, ms. 7.

Justeru pelancaran Transformasi Pendidikan Vokasional (TPV) pada 6 Januari 2012 oleh Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin merupakan inisiatif kerajaan yang amat relevan ke arah memantapkan modal insan yang lebih ampuh untuk negara seterusnya merealisasikan hasrat untuk menjadikan aliran vokasional sebagai pendidikan kelas pertama. Timbalan Perdana Menteri turut menegaskan bahawa tugas yang paling mencabar adalah menghasilkan tenaga kerja yang dapat memenuhi kehendak industri tempatan, iaitu sekurang-kurangnya 3.3 juta orang pekerja mahir dalam tempoh 10 tahun akan datang (Dewan Masyarakat, 2012). Perubahan dalam Transformasi Pendidikan Vokasional dengan memartabatkan aliran vokasional menjadi kolej vokasional amat diperlukan untuk menyediakan tenaga kerja terlatih yang berkemahiran bagi memenuhi keperluan negara untuk memasuki pasaran pekerjaan. Oleh itu, modul dalam struktur kurikulum KV dibahagikan kepada tiga iaitu modul akademik, modul vokasional dan modul kompetensi.

Bagi modul vokasional di KV Melaka Tengah, pengkaji telah mendapatkan skor pemarkahan pelajar Tahun Satu Semester Dua seramai 34 orang bagi kursus Teknologi Pembinaan dalam peperiksaan amali semester dua yang telah dijalankan. Sebagai contoh sila rujuk **LAMPIRAN B**. Hasil analisis data yang dibuat daripada skor pemarkahan kerjasama bagi setiap pelajar dalam peperiksaan amali tersebut menunjukkan bahawa markah kerjasama yang paling tinggi ialah 9 markah seramai 4 orang pelajar sahaja dan markah yang paling rendah ialah 6 markah seramai 5 orang pelajar. Kebanyakan pelajar mendapat markah di antara 7 hingga 8 markah sahaja. Jika berdasarkan kepada susunan urutan kriteria secara menurun pula maka kedudukan markah peperiksaan amali sikap ialah pengurusan alatan dan ketepatan masa berjumlah 21%, persediaan bahan adalah 20%, kerjasama berjumlah 19% dan kekemasan iaitu 18%. Ini menjelaskan bahawa markah kriteria kerjasama berada

pada tahap yang keempat daripada lima kriteria dalam amali sikap. Sebagai contoh sila rujuk pada Rajah 1.1.



Rajah 1.1: Perbezaan Peratus Markah Pelajar Dalam Peperiksaan Amali Sikap

Adapun modul kompetensi kompetitif meliputi kompetensi keusahawanan, kompetensi bekerja dan kompetensi insaniah. Unsur-unsur dalam modul ini diterapkan dalam setiap gerak kerja pembelajaran dan latihan mengikut kaedah kompetensi merentas kurikulum iaitu modul ini dijalankan dalam program semester pendek. Dalam program semester pendek ini, pelaksanaan kandungannya adalah berkaitan dengan 'Employability Skills' yang mengaplikasikan DUA BELAS elemen dalam kemahiran kebolehan bekerja bukan teknikal (DSK Kolej Vokasional, 2013). Berdasarkan DUA BELAS elemen tersebut, Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) telah memilih empat elemen iaitu keselamatan di tempat kerja, struktur organisasi, bekerja dalam sistem serta budaya kerja dan etika sebagai modul semester pendek bagi pelajar Tahun 1 KV. Dengan mengikut modul ini, kemahiran tersebut dapat didedahkan kepada pelajar-pelajar KV di peringkat umur 13 tahun ke atas lagi kerana syarat pengambilan pelajarannya adalah terdiri daripada lepasan PMR. Menurut Yahaya dan Latif (2005), merujuk kepada Jadual 1.1 menyatakan bahawa berikut adalah pandangan-pandangan yang digunakan bagi menerangkan tempoh masa remaja.

Jadual 1.1: Tempoh Masa Remaja  
(Yahaya & Latif, 2005)

Aspek	Remaja Bermula	Remaja Berakhir
Biologi	Baligh	Sistem pembiakan matang
Emosi	Mula berpisah daripada ibu bapa	Perolehan identiti diri
Antara peribadi	Mula berminat dengan hubungan rakan sebaya	Berupaya membentuk perapatan dengan rakan sebaya
Sosial	Mula belajar peranan kerja dan peranan keluarga	Memperolehi status dan keutamaan orang dewasa
Pendidikan	Memasuki sekolah menengah	Tamat persekolahan
Undang-undang	Status remaja	Status orang dewasa
Kronologi	Lebih kurang 13 tahun ke atas	Lebih kurang 20 tahun ke atas

Berdasarkan Jadual 1.1 ini, dapat dirumuskan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran (PDP) di peringkat kolej vokasional adalah masa yang sesuai untuk kita menerapkan ‘*Employability Skills*’ supaya kebolehpasaran pekerjaan bagi lepasan KV berada pada tahap yang tinggi. Sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Conti dan Kleiner (1997) dalam kajiannya yang bertajuk “*How to increase teamwork in organizations*” iaitu berdasarkan suasana perniagaan masa kini, kerja berpasukan yang cekap dan berkesan merupakan pendekatan kemahiran yang sangat disyorkan dan implikasinya juga untuk kejayaan sesebuah perniagaan dan organisasi (Tarricone & Luca, 2002).

Dalam perkembangan origami pula, seni ini tidak hanya terpaku pada seni melipat kertas sahaja. Akan tetapi ada kalanya teknik pengguntingan kertas di dalam origami mula diperkenalkan iaitu disebut sebagai kirigami dan ciptaan bentuk barunya sudah pasti lebih kreatif dan sesuai dengan zaman terkini. Bentuk-bentuk yang biasa dihasilkan dari kertas ternyata bukan hanya berbentuk sederhana seperti pesawat, katak atau pun kincir angin seperti yang sudah kita kenali. Tetapi sehingga ke hari ini origami yang dihasilkan adalah lebih berbentuk sukar seperti bunga, dinosaur, kotak, serangga, ikan hiu, baju dan sebagainya, malah berbentuk lipatan tiga dimensi (3D) yang dikenali sebagai ‘*Oritsunagumono*’ (Hoogendoorn, 2012) dan ‘*Mobees*’ atau Lebah *Harvard Monolitik* iaitu serangga robot yang memerlukan lebih daripada 20 lipatan origami untuk mewujudkannya (Bloss, 2012).

Menurut Wise (2005) menyatakan bahawa penyelidikan telah menunjukkan bahawa seni kertas lipatan adalah subjek tambahan yang unik dan berharga untuk kurikulum terutamanya di peringkat sekolah rendah. Origami bukan sahaja menyeronokkan, tetapi juga satu kaedah yang berharga untuk membangunkan kemahiran yang tertentu. Jika anda sedang mencari aktiviti untuk ibu bapa dan kanak-kanak, jika anda sedang mencari cara untuk mengajar pecahan visual dan kinestetik, jika anda mengajar penulisan pengajaran menggunakan arahan, jika anda mahu mengajar geometri, pembelajaran kooperatif, kemahiran berasaskan projek, ruang dan kemahiran kognitif dan berseronok-seronok melakukannya, maka pilihlah origami.

Justeru itu origami merupakan salah satu hasil kebudayaan Jepun yang semakin berkembang semenjak akhir-akhir ini. Bukan sahaja di Jepun, malah origami ini mula diminati di negara-negara lain seperti di Amerika, Eropah dan negara Asia. Hal ini dapat dilihat dengan munculnya pelbagai komuniti, *workshop* dan kompetisi origami. Lindsay (2012) dalam *Japan Times* menyebut bengkel origami terungkap kegembiraan yang tersembunyi, contohnya dalam peperiksaan kami sering menguasai sistem pendidikan melalui perbengkelan origami kerana keseronokan pembelajaran tetapi merosot dalam pembelajaran hafalan. Begitu juga dalam pendekatan amali *Barbara Pearl* untuk pembelajaran matematik, di mana setiap kanak-kanak yang terlibat merasa seronok dalam proses pembelajaran dan dapat menemui bagaimana untuk menganggarkan jarak katak melompat, mengukur sudut kapal layar kertas atau pun meneroka corak ikan paus. Semasa kanak-kanak ingin belajar mereka bentuk origami ikan paus, mereka boleh meneroka ciri-ciri paus melalui penyiasatan saintifik, membaca buku mengenai mamalia, mendengar lagu ikan paus, menulis cerita yang kreatif, atau mengetahui bagaimana untuk menyelamatkan paus dengan *Greenpeace* (Pearl, 2012).

Oleh yang demikian, aktiviti seni origami telah dilihat dapat menyumbangkan banyak kebaikan dan kelebihan dalam aktiviti penerapan kemahiran insaniah (KI) malah mampu membentuk kemahiran kerja berpasukan dalam kalangan pelajar. Hal ini kerana, pengkaji mendapati aktiviti seni lipatan origami boleh membangunkan kemahiran kebolehterkerjaan khususnya kemahiran kerja berpasukan dalam memenuhi aspek kompetensi pekerjaan yang ingin diceburi. Hal ini telah disokong oleh kajian Mohd Adnan (2009) yang menjelaskan bahawa 90 % pelajar bersetuju tentang wujudnya nilai kerjasama dan bantu-membantu ketika menghasilkan karya origami.

Rumusannya ialah peringkat umur pelajar selepas PMR adalah masa yang amat sesuai untuk diterapkan dengan pelbagai kemahiran seperti '*Employability Skills*', maka pembentukan kemahiran kerja berpasukan ini perlu dihayati dan diamalkan dalam pembelajaran melalui pelbagai kaedah pengajaran sama ada formal dan tidak formal seperti aktiviti origami berkumpulan.

### 1.3 Pernyataan masalah

Sejarah telah membuktikan bahawa perkembangan origami telah bermula dari cara tradisional hinggalah ke teknologi baru seperti Mobees iaitu serangga robot (Bloss, 2012). Malah aktiviti origami bukan sahaja menyeronokkan, tetapi juga satu kaedah yang berharga untuk membangunkan kemahiran yang tertentu (Wise, 2005). Ini jelas menunjukkan aktiviti origami dapat membentuk kemahiran kerja berpasukan. Kemahiran kerja berpasukan pula adalah salah satu kemahiran yang sangat diperlukan dalam industri khususnya oleh para majikan. Hal ini dapat dilihat dalam hasil kajian yang dilakukan oleh *National Association of Colleges and Employers* yang mendapati para majikan meletakkan kemahiran kerja berpasukan antara kemahiran yang penting (dengan nilai skala 4.6 daripada 5.0) iaitu pada kedudukan ketiga teratas daripada dua puluh kemahiran atau kualiti yang diperlukan oleh majikan daripada bakal pekerja mereka (*National Association of Colleges and Employers*, 2005). Sebagai contoh sila rujuk **LAMPIRAN C**. Namun di negara kita Malaysia, masih terlalu kurang kajian yang dijalankan dalam skop seni lipatan origami ini, apatah lagi untuk dikaitkan dengan '*Employability Skills*'. Atas dasar inilah, penyelidik ingin mencadangkan satu kerangka yang sesuai digunakan untuk membantu meningkatkan kemahiran kerja berpasukan dalam kalangan pelajar di Kolej Vokasional Melaka Tengah melalui pelbagai aktiviti seni lipatan origami yang telah diutarakan oleh pakar-pakar seni. Tetapi adakah cadangan penggunaan seni lipatan origami untuk memperbaiki kemahiran kerja berpasukan pelajar di KVMT ini mendapat sambutan yang positif dan disukai oleh pelajar vokasional ini masih tidak diketahui dengan jelas dan memerlukan kajian awalan ini untuk mengenalpasti kemungkinannya.

#### 1.4 Tujuan kajian

Kajian ini bertujuan menilai persepsi tentang penggunaan seni lipatan origami untuk pembangunan kemahiran kerja berpasukan berdasarkan penilaian Model Kirkpatrick dalam kalangan pelajar Kolej Vokasional Melaka Tengah.

#### 1.5 Objektif kajian

Secara khususnya, kajian ini dijalankan adalah untuk mencapai objektif seperti berikut:

- (i) Menilai persepsi pelajar Kolej Vokasional Melaka Tengah terhadap kefahaman kemahiran kerja berpasukan.
- (ii) Menilai persepsi pelajar Kolej Vokasional Melaka Tengah terhadap aktiviti berpasukan yang berlandaskan seni lipatan origami dengan penggunaan *Kirkpatrick Training Evaluation Model*.
- (iii) Mengemukakan satu cadangan bengkel aktiviti berpasukan yang berlandaskan seni origami kepada pelajar Kolej Vokasional Melaka Tengah.

#### 1.6 Persoalan kajian

Dalam kajian ini, pengkaji telah mengemukakan beberapa persoalan untuk dijawab iaitu:

- (i) Apakah persepsi pelajar Kolej Vokasional Melaka Tengah terhadap kefahaman kemahiran kerja berpasukan sebelum menjalani aktiviti origami berkumpulan.
- (ii) Apakah persepsi pelajar Kolej Vokasional Melaka Tengah terhadap kefahaman kemahiran kerja berpasukan selepas menjalani aktiviti origami berkumpulan.
- (iii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan tentang persepsi pelajar Kolej Vokasional Melaka Tengah terhadap kefahaman kemahiran kerja berpasukan sebelum dan selepas menjalani aktiviti origami berkumpulan.
- (iv) Apakah persepsi pelajar Kolej Vokasional Melaka Tengah terhadap aktiviti

berpasukan yang berlandaskan seni lipatan origami dengan penggunaan *Kirkpatrick Training Evaluation Model*.

- (v) Apakah cadangan pemurnian bengkel seni lipatan origami untuk membantu dalam pembentukan kemahiran kerja berpasukan.

### 1.7 Hipotesis kajian

*Hipotesis Null*: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan tentang kefahaman pelajar KVMT terhadap kemahiran kerja berpasukan sebelum dan selepas menjalani aktiviti origami berkumpulan.

### 1.8 Kerangka konsep kajian

Kerangka konsep dalam sesuatu kajian perlu dikemukakan apabila kajian berkenaan mengandungi dua pemboleh ubah atau lebih. Menurut Iskandar (2008) menyatakan bahawa kerangka konseptual yang baik ialah:

- (i) Variabel-variabel kajian yang akan dikaji harus jelas.
- (ii) Kerangka konseptual haruslah menjelaskan hubungan antara variabel - variabel yang akan dikaji, dan ada teori yang melandasinya.
- (iii) Seterusnya kerangka konsep tersebut perlu dinyatakan dalam bentuk diagram, sehingga masalah kajian yang akan dicari, jawapannya mudah difahami.

Iskandar (2008) juga mengemukakan bahawa dalam kajian kuantitatif, kerangka konsep merupakan suatu kesatuan kerangka pemikiran yang utuh dalam rangka mencari jawapan-jawapan ilmiah terhadap masalah-masalah kajian yang menjelaskan tentang pemboleh ubah, hubungan antara pemboleh ubah secara teori yang berkaitan dengan hasil kajian yang terdahulu yang kebenarannya dapat diuji secara empiris. Pada Rajah 1.2 adalah merupakan satu kerangka konsep kajian yang diadaptasikan oleh penyelidik berlandaskan *Models For Human Resource Development* (McLagan, 1989).



## RUJUKAN

- Abdul Ghafar, M. N. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdul Ghafar, M. N. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Ali, N. (2008). *Keberkesanan Pembelajaran Koperatif (JIGSAW II) Dalam Subtopik Formula Kimia Bagi Tingkatan 4*. UPSI: Tesis Sarjana.
- Ansary, Mansor & John. (2007). *HBA Membentuk dan Membuat Binaan*. Kuala Lumpur: Open Universitiy Malaysia.
- Bahagian Pembangunan Kurikulum. (2013). *DSK Kolej Vokasional 2013*. Putrajaya: KPM.
- Bahagian Pendidikan Teknik & Vokasional. (2010). *Citra Kecemerlangan BPTV Dan SMT*. Putrajaya: BPTV.
- Bahagian Pendidikan Teknik & Vokasional. (2011). *Pelan Strategik Transformasi Pendidikan Vokasional*. Putrajaya: KPM.
- Banks, J. A. (2002). *An introduction to Multicultural Education*. Boston-London: Allyn and Bacon Press.
- Bidin, Y. H. (2006). *Kerja Berpasukan*. Kuala Lumpur: PTS Sdn Bhd.
- Bloss, R. (2012). Origami comes to the aid of automatically fabricating mini robots. *Industrial Robot: An International Journal*, 39(6), pp. -.
- Brophy, J. (2012). *Motivating Students To Learn*. Second Edition. MA: Allyn and Bacon.
- Chang, K. K. (2009). *Keberkesanan Kaedah Pembelajaran Koperatif Terhadap Prestasi Dan Perubahan Sikap Pelajar Tahun Dua Dalam Aktiviti Origami Mata Pelajaran Pendidikan Seni Visual*. OUM: Tesis Sarjana Muda.
- Chua, Y.P. (2006). *Kaedah Dan Statistik Penyelidikan: Asas Statistik Penyelidikan Buku 1,2 Dan 3*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill Education.
- Chua, B. S., Bullare, F. & Mutang, J. A. (2014). *SPSS: Prinsip dan Analisis Data dalam Sains Tingkah Laku*. Sabah: UMS.

- Cohen, E. G. (1994) *Designing Groupwork - Strategies for the Heterogeneous Classroom*. Second Edition. Teachers College Press.
- Conti, B. & Kleiner, B.H. (1997). How to increase teamwork in organizations. *Journal Of Training for Quality*, 5(1), 26 – 29.
- Devore, J. & Peck, R. (2005). (Eds.), *Statistics-The Exploration And Analysis Of Data*. 2nd Ed. Wadsworth, Belmont, pp. 731-802.
- Esa, A. (2011). *UTHM Lecture Series 5/2011: Kokurikulum Membangun Kemahiran Insaniah: Koleksi Penyelidikan*. UTHM: Penerbit UTHM.
- Esa, A., Mohamad, B., Mohd.Salleh, B. & Awang, F. (2008). Penguasaan Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Pelajar Kejuruteraan Melalui Pembelajaran Koperatif: Tinjauan Di Universiti Kuala Lumpur Malaysia France Institute (UniKL MFI) Dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008*, 22-23 Oktober 2008, Bangi.
- Four Corners Virtual Resource Center. *Tech Beat*. USA, Volume 4 Issue 4. 2005.
- Fraenkel, J. R., & Wallen, E. W. (2009) *How To Design and Evalute Reseach In Education*. Boston, MA: McGraw-Hill..
- Gerson, R. F. (2004). *Mengukur Kepuasan Pelanggan*. Johor Bahru: Pelangi Sdn. Bhd.
- Graham, J. & Caso. (1999). *Measuring Engineering Freshman Attitudes And Perceptions*. Journal of Education.
- Hashim, R. Memperkasakan Pengajaran Dan Pembelajaran. Dalam: Azizul Rahman, A. B. & Mohamad Saleeh, R. *Strategi Pengajaran Guru Cemerlang*. Kuala Lumpur: Majlis Guru Cemerlang Malaysia dan Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd. 102-111; 2010.
- Harun, H. (2009). *Penguasaan Kemahiran Komunikasi Dan Kerja Berpasukan Dalam Kalangan Guru Pelatih Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*. UTHM: Tesis Sarjana Muda.
- Herman, W. (2012). Aliran Vokasional Pendidikan Kelas Pertama. *Dewan Masyarakat*, Mac 2012. Kuala Lumpur.
- Imania, K. L. (2012). Analisa Origami Dalam Interaksi Sosial Masyarakat. *Jurnal Seni Rupa & Desain*, 49-55.
- Iskandar. 2008. *Metodologi Penelitian Pendidikan dan Sosial (Kuantitatif dan Kualitatif)*. Jakarta: Gaung Persada Press.

- Ismail, R. (2006). *12 Rukun Kerja Berpasukan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributor Sdn Bhd.
- Jeannette, G. (2014). Victory Due To Luck And Teamwork. *The Online Star*, April 2014. Dicapai pada April 20, 2014 dari <http://m.thestar.com.my/story.aspx?hl=Victory+due+to+luck+and+teamwork&sec=news&id={0032F800-0394-4C68-9D41-F7FC0B0B551B}>
- Johari, K. (2004). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Selangor: Pearson Prentice Hall.
- Kamsah, M. F. & Yusof, A. F. (2007). *55 Petua Kerja Berpasukan*. Kuala Lumpur: PTS Sdn Bhd.
- Kamsah, M. Z. Abu, M. S. & Razzaly, W. (2008). Penerapan Kemahiran Insaniah (KI) Kepada Pelajar Dalam Aktiviti Pengajaran Dan Pembelajaran Di IPTA. *Prosiding SKIKS 08*. 491-502.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012a). *Dasar Pendidikan Kebangsaan*. Putrajaya: KPM.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012b). *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: KPM.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2013). *Pendidikan Kerjaya Semester 8 BPTV 2013 Modul Insaniah*. Putrajaya: KPM.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. (2006). *Modul pembangunan kemahiran insaniah (soft skills) untuk Institut Pengajian Tinggi Malaysia*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Kirkpatrick D. L. (1959). Techniques for evaluating training programs. *Journal of American Society of Training Directors*, 13(3), 21–26.
- Kirkpatrick, D. L. (1994). *Evaluating Training Programs*. San Francisco: Berrett-Koehler Publishers.
- Kolej Vokasional Melaka Tengah. (2013). *Laman Web Portal KVMT*. Dicapai pada November 20, 2013, dari <http://www.kvmt.edu.my/v3/>
- Konting, M. M. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kumar, R. (2011). *Research Methodology: 9 Step-By-Step Guide For Beginners*. Singapore: Sage Publications Asia.
- Kwok, K. T. (2012). The Use Of Midpoint On Likert Scale: The Implications For Educational Research. *Hong Kong Teacher's Centre Journal*. Vol. 11. 2012. Hong Kong: The University Of Hong Kong.

- Lafosse, M. G. (2012). *Origami - Seni Dan Kraf Kreatif Asia*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Levenson, G. (2003). The Educational Benefits Of Origami. Dipetik daripada <http://home.earthlink.net/~robertcubie/origami/edu.html> pada 6 November 2013
- Likert, R. (1932). A Technique for the Measurement of Attitudes. *Archives of Psychology*, 140, 1–55.
- Marican, A. (2005). Teknologi Sebagai Pengupaya Dalam Pelaksanaan Sekolah Bestari dan Pengurusan Pembelajaran Bestari. *Jurnal Akademik*. Jilid 9. Januari 2002. Kota Bharu: Maktab Perguruan Kota Bharu.
- Masri, S. (2005). *Kaedah Penyelidikan Dan Panduan Penulisan: Esei, Proposal, Tesis*. Utusan Publications & Distributor Sdn Bhd.
- Mat, C. (2004). *Kursus Kejurulatihan Belia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributor Sdn Bhd.
- Mat, C. (2006). *Kursus Pembinaan Pasukan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributor Sdn Bhd.
- Mazhi. (2013). *Origami Sangat Bermanfaat Untuk Anak*. Dicapai pada November 30, 2013 dari <http://bloghamil.com/8639/origami-sangat-bermanfaat-untuk-anak/showing.html>
- McCarthy, V. Q. (2008). *The New Book Of Knowledge*. Volume 14. USA: Scholastic Inc.
- McLagan, J. (1989). Models For Human Resource Development (HRD) Practice. *Journal Of Vocational and Technical Educations*.
- Meinking, M. & Alexander, C. (2012). *Origami Teknik Mudah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Meinking, M. & Alexander, C. (2012). *Origami Teknik Sederhana Sukar*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Mohamed Yusof, A., Esa, A. & Ahmad, A. (2008). Kemahiran Interpersonal Di Kalangan Pelajar Diploma Kejuruteraan Di Politeknik. *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008*, 22-23 Oktober 2008, Bangi.
- Mohd Adnan, A. S. (2009). *Meningkatkan Kreativiti Murid Melalui Aktiviti Karya Origami Di Peringkat Kanak-kanak Sekolah Rendah*. OUM: Tesis Sarjana Muda.

- Mohd Noor, N. & Sahimin, S. (2010). *Penerapan kemahiran generik dalam proses pengajaran dan pembelajaran di Kolej Yayasan Sabah*. Di capai pada Januari 18, 2011 dari [http://eprints.utm.my/10527/1/penerapan\\_kemahiran\\_generik\\_dalam\\_proses\\_pengajaran\\_dan.pdf](http://eprints.utm.my/10527/1/penerapan_kemahiran_generik_dalam_proses_pengajaran_dan.pdf)
- Mustafa, M. Z., Suradin, A., Ibrahim, B., Mastor, S., Mohd Salleh, K., Madar, A. R. & Sulaiman, N. (2008). Penguasaan Kemahiran Berpasukan Menerusi Penyertaan Di Dalam Kokurikulum: Satu Tinjauan Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. *Persidangan Pembangunan Pelajar Peringkat Kebangsaan 2008*, 22-23 Oktober 2008, Bangi.
- National Association Of Colleges and Employers (NACE). *Job Outlook 2006 – Student Version*. 2005.
- National Council Of Teachers Of Mathematics. *The Japan Times*. USA. 2012.
- Panduan Penulisan Tesis Edisi Keempat. (2011). Pusat Pengajian Siswazah, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor.
- Pearl, B. (2012). *Math In Motion: Origami Across The Curriculum*. USA: Greenpeace.
- Ranjit, S. M. & Wahab, A. B. (2008) *Your dream job: How to get it and excel*. Kuala Lumpur: TQM Consultants Sdn. Bhd.
- Ruhe, V. & Zumbo, B. D. (2009). *Evaluation In Distance Education And E-Learning*. New York: The Guilford Press.
- Salleh, M. dan Tasir, Z. (2001). *Pengenalan kepada Analisis Data Berkomputer:SPSS 10.0 for Windows*. Kuala Lumpur: Venton Publishing.
- Sato, Y. (1996). *Animal Origami*. USA: Kodansha America Inc.
- Sekaran, U. (2003). *“Research Methods For Business – A skill Building Approach”*. New York: John Wiley and Sons, Inc.
- Sidal, A. (2004). *Kerja Berpasukan Dalam Organisasi*. Edisi Pertama. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara.
- Sulaiman, R. Pembinaan Pasukan Kerja Cemerlang (PKC) Dan Impaknya Kepada Pengurusan Sekolah. *Jurnal Pendidikan PKPSM*. 2010. Mei 2010: 1 – 14.
- Syed Zamri, S. N. A. (2011). *Statistik Untuk Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: UM.
- Talib, O. (2013). *Asas Penulisan Tesis Penyelidikan & Statistik*. Serdang: UPM.

Tarricone, P. & Luca, J. (2002). Employees, Teamwork And Social Interdependence – A Formula For Successful Business?. *Journal Of Team Performance Management*, 8(3/4), 54 – 59.

Toshiba Medical Systems. *Vision 19-12*. Eropah. 2012.

Unit Kualiti dan Produktiviti Bahagian Pentadbiran Dan Kejuruteraan RISDA. *Buletin Q*. Kuala Lumpur. 2009.

Yahya, A. & M. Savarimuthu, E. *Kepentingan Kefahaman Konsep Dalam Matematik*. Dicapai pada November 10, 2013 dari [http://eprints.utm.my/10413/1/1.10\\_Bab2.pdf](http://eprints.utm.my/10413/1/1.10_Bab2.pdf).

Yahaya, A. & Latif, J. S. (2005). *Membentuk Identiti Remaja*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.

Yahaya, A., Hashim, S. & Ramli, J. (2006). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Pub. Sdn. Bhd.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH